



NEWS RELEASE
30th June 2009

Merdeka Center poll: Youth well informed but politically disconnected

KUALA LUMPUR - Malaysian youth in general seem to be well informed on current issues but they remain politically disconnected as found in a nationwide opinion poll released today.

The poll also found out that the youth of Malaysia feel that government decisions have a lot of impact in their daily lives but there is little that their votes can do to influence the government.

The opinion poll, *National Youth Survey 2008*, was conducted by the Merdeka Center for Opinion Research, with funding support from The Asia Foundation, to gauge youth perceptions of lifestyle, current issues, values, politics, and their own levels of civic and social involvement.

The poll was carried out between 13th November and 9th December 2008 and a total of 2,518 randomly selected Malaysian youth between the age of 20 and 35 years old were interviewed by telephone. Respondents were selected on the basis of random stratified sampling along the national population profile and specifically proportional to gender, ethnicity and state of residence.

“This is the third consecutive year we have conducted this poll and we hope the data will help policymakers, grassroots advocacy groups and youth organizations to understand the needs of young people and address their concerns based on factual findings,” said Ibrahim Suffian, the Programs Director of Merdeka Center for Opinion Research.

“These youth will shape Malaysia’s future so it is critical that we look at their attitudes towards their role in the community, in politics or simply to understand how they think,” he added.

Self-efficacy and politics

The poll identified 74% of youth as having low and moderate level of self-efficacy. Although the perceived impact of government has on their daily lives increased from 72% in 2007 to 77% in 2008, the confidence that the youth have in elections declined by 16% when 80% of youth in 2007 said their votes could make some difference compared to 64% in 2008.

Ethnicity and their backgrounds contribute to significant differences in the level of self-efficacy among Malaysian youth. For instance, the majority of ethnic Chinese, who attended Chinese school and Mandarin-speaking, were found to express lower levels of self-efficacy where some felt that there was not much that they can do for the community.

On the other hand, Indian respondents who attended Tamil school and embraced Hinduism have the highest level of self-efficacy. They seem to be energized and feel there is much that they can do.

The Malays and other Bumiputras held moderate views over the efficacy of their votes and their abilities to influence the government.

If voter registration is taken as an indicator of political involvement, the poll shows that such involvement is considered moderate as only 55% of the youth interviewed were registered voters.

Views on political pluralism

The poll shows that young Malaysians had mixed views on political pluralism. There were instances where the youth appeared to be conservative and other times open to some pluralistic ideas. Fifty six per cent (56%) of the youth said they could accept a female Prime Minister and 57% could accept a non-Malay Muslim as Prime Minister. As for the idea of having a non-Muslim as Prime Minister, the level of acceptance declined to 45%.

As for views on political diversity, more Peninsular youth (51%) favored political diversity whereas 58% of East Malaysian respondents favoured the idea of being united under Barisan Nasional. Nonetheless, the survey finds that 77 % youth showed stronger preference for a multiracial party that is able to represent the interests of Malaysians regardless of ethnicity or religion.

The results of the poll are available for download from the Merdeka Center's website (www.merdeka.org) and The Asia Foundation's website (www.asiafoundation.org).

About Merdeka Center for Opinion Research

Merdeka Center for Opinion Research was formally established in 2001 as an independent organization focused on public opinion research and socio-economic analysis. Its members are comprised of social scientists and professionals with qualifications in economics, communications, marketing, and law. Merdeka's mission is to act as a bridge between Malaysians and the leading members of their society – by collecting public opinion and expressing them through survey results, analysis and position papers. For more information, please visit www.merdeka.org.

Contact:

Ibrahim Suffian
Director - Programs
Mobile: 012 379 1940
Email: ben@merdeka.org

###



SIARAN BERITA

30th June 2009

Tinjauan Pendapat Merdeka Center: Golongan muda celik maklumat tetapi tidak peka politik

KUALA LUMPUR - Menurut sebuah tinjauan pendapat yang dilancarkan hari ini, golongan muda Malaysia secara amnya peka terhadap isu-isu semasa tetapi mereka masih tidak peka terhadap politik.

Tinjauan pendapat ini turut memaparkan bahawa golongan muda Malaysia merasakan keputusan yang dibuat oleh kerajaan memberi kesan terhadap kehidupan mereka, akan tetapi berpendapat bahawa undi mereka tidak berkesan dalam mempengaruhi keputusan kerajaan.

Tinjauan pendapat itu, *Kajiselidik Golongan Muda Malaysia 2008*, dijalankan oleh Merdeka Center for Opinion Research dengan kerjasama The Asia Foundation untuk mengukur tanggapan golongan muda mengenai gaya hidup, isu-isu semasa, nilai-nilai, politik dan tahap penglibatan aktiviti sosial dan sivik.

Tinjauan tersebut dijalankan dari 13 November hingga 9 Disember 2008, dan seramai 2,518 responden berusia di antara 20 dan 35 tahun telah dipilih secara rawak dan ditemubual melalui telefon. Sampel responden bagi kajian ini dibentuk sejajar dengan profil kebangsaan yang telah ditetapkan secara khususnya dari segi jantina, kaum dan negeri bagi tempat kediaman.

“Memandangkan ini merupakan kali ketiga kami menjalankan tinjauan ini, data-data ini membantu penggubal dasar, kumpulan akar umbi dan organisasi belia memahami kehendak golongan muda dan menangani isu-isu mereka berdasarkan hasil kajian berasaskan fakta.” kata Ibrahim Suffian, Pengarah Program Merdeka Center.

“Golongan muda bakal membentuk masa depan Malaysia jadi amatlah kritikal untuk kita melihat sikap mereka berkenaan peranan mereka di dalam masyarakat dan politik, atau untuk memahami cara mereka berfikir,” tambahnya.

Keupayaan membawa perubahan dan politik

Kajiselidik ini mendapati sebanyak 74% golongan muda yang mempunyai keupayaan membawa perubahan yang rendah dan sederhana. Meskipun pendapat bahawa kerajaan memberi kesan terhadap mereka telah meningkat dari 72% pada tahun 2007 ke 77% pada tahun 2008, keyakinan golongan muda terhadap pilihanraya telah merosot sebanyak 16%, di mana 80% pemuda yang ditemubual pada tahun 2007 merasakan undian mereka mampu membawa perubahan berbanding 64% pada tahun 2008.

Hasil tinjauan menunjukkan faktor kaum menyumbang kepada perbezaan ketara dari segi kemampuan golongan muda Malaysia. Misalnya, kebanyakan anak-anak muda berbangsa Cina yang pernah menuntut di sekolah rendah jenis Cina dan bertutur dalam bahasa Mandarin berasa mereka tidak berkeupayaan berbuat apa-apa untuk komuniti mereka.

Dalam pada itu, responden berbangsa India yang pernah belajar di sekolah rendah jenis Tamil dan beragama Hindu mempunyai tahap keupayaan yang tinggi. Mereka mempunyai semangat yang tinggi dan berasa mereka mampu membawa perubahan.

Golongan muda berbangsa Melayu dan Bumiputra lain merasakan undian dan kemampuan membawa perubahan mereka untuk mempengaruhi kerajaan adalah sederhana.

Jika pendaftaran pengundi diambilkira sebagai petunjuk penglibatan politik, tinjauan ini menunjukkan tahap penglibatan golongan muda dalam politik adalah sederhana memandangkan hanya 55% adalah pengundi berdaftar.

Pandangan terhadap kepelbagaian politik

Tinjauan ini menunjukkan anak-anak muda Malaysia mempunyai pendapat yang berbeza terhadap kepelbagaian politik. Adakalanya golongan muda menunjukkan sikap lebih konservatif dan adakalanya lebih bersifat terbuka. 56% golongan muda menyatakan bahawa mereka boleh menerima seorang Perdana Menteri wanita dan 57% boleh menerima seorang Perdana Menteri Muslim yang bukan Melayu. Akan tetapi, tahap penerimaan ini merosot kepada 45% apabila ditanya sama ada mereka boleh menerima seorang Perdana Menteri bukan Muslim.

Bagi pandangan terhadap politik majmuk, lebih ramai golongan muda dari Semenanjung Malaysia (51%) cenderung menerima politik majmuk, namun 58% responden dari Malaysia Timur lebih cenderung bersatu di bawah pimpinan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, tinjauan mendapati 77% golongan muda lebih menyokong parti politik berbilang kaum yang mewakili kepentingan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau agama.

Hasil tinjauan penuh tersebut boleh untuk dimuat turun dari laman-laman web Merdeka Center (www.merdeka.org) dan Asia Foundation (www.asiafoundation.org).

Tentang Merdeka Center

Merdeka Center telah ditubuhkan pada 2001 sebagai sebuah organisasi bebas yang bertumpu kepada kajian pendapat awam dan analisis sosio-ekonomi. Ahli-ahlinya terdiri dari pengkaji sosial dan ahli profesional yang berkeelayakan dalam bidang ekonomi, komunikasi, pemasaran dan undang-undang. Misi Merdeka Center ialah sebagai penghubung di antara rakyat Malaysia dan ahli-ahli berpengaruh masyarakat – dengan mengumpul pendapat awam dan mengungkapkannya menerusi hasil kajiselidik, analisis dan kertas kerja. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.merdeka.org.

Sila hubungi:

Ibrahim Suffian
Pengarah Program
Tel: 012 379 1940
Emel: ben@merdeka.org

###



新闻发布

2009年6月30日

独立民调中心：大马青年时事触感敏锐但不热衷于政治

吉隆坡 - 一项全国性的调查发现大马青年对时事触感敏锐可是却对不热衷于政治。

该项调查也发现大马青年认为政府决策对他们生活带来巨大的影响却认为自己的选票无法影响政府。

这项名为全国青年民意调查 2008 的调查是由独立民意调查中心(简称独立中心)展开，再配合亚洲基金会的支持，目的是要统计我国青年对生活方式，时事，价值观，政治的看法，以及更深入地了解他们对于本身的公民意识与社交上的参与。

这项电话访谈由 2008 年 11 月 13 日展开，一直进行至 12 月 9 日，此访谈也涉及了 2, 518 位年龄介于 20 至 35 岁的马来西亚青年。受访者是根据国家人口资料，针对性别，种族以及地区所抽样的挑选出来。

独立中心研究主任依布拉欣苏菲安说，“这已是我们第三次就我国青年的展望以及意见作出调查。这些调查的结果能够让我国的决策人，草根及青年团体通过受访者最真实的反应了解大马青年的思想并给予适当的关注。”

他也指出，我国的青年将塑造马来西亚的未来，所以青年们对于本身在社会以及政治上应扮演怎样的角色，有什么看法与意见，是我们应该注意的。

无力于改变及对政治的看法

这项调查发现 74%认为自身没有改变周遭环境的能力。虽然认为政府对他们的生活有着重大的影响的青年已从 2007 的 72% 增至 2008 年的 77%，青年对于自己选票的影响力从 2007 年的 80%跌至 2008 年的 64%，跌幅 16%。

种族及个人背景在决定青年的能力上扮演重要的角色。例如，大部分的华裔，曾就读于华小，并且常以中文沟通的青年认为自己没有能够改变自身社群的能力。

相反的，大部分的印裔，曾就读于淡小的兴都教徒青年们对自己影响周遭环境的能力表示乐观。他们认为有能力为周遭环境带来改变。

巫裔及其他土著青年则对自己影响政府决策的能力抱此着适中的态度。

如果以选民登记作为标准，此次的调查则显示青年对于参与政治是不热衷的，只有 55%的受访者声称已登记为选民。

对多元政治的看法

调查显示大马青年对多元政治呈不同的看法。大马青年时而表现保守，时而表现对多元概念的接受。56%青年表示可以接受女性作为首相，57%可接受非马来穆斯林首相。当调查问及对非穆斯林首相的接受，接受的人数则降至45%。

至于对多元化政治的看法，更多的半岛青年（51%）倾向更多元的政治环境，58%东马受访者则希望在国阵政党下团结起来。无论如何，该调查显示77%大马青年偏向可以不分族群或宗教代表所有大马人的多元种族政党。

这项全国青年民意调查的完整报告也可于独立中心官方网站 (www.merdeka.org) 及亚洲基金会官方网站 (www.asiafoundation.org) 下载。

关于独立中心

独立中心正式成立于2001年。独立中心是一个专注于民意调查以及社会经济分析的独立机构。该机构是由社会学家以及拥有经济，通信，行销和法律资格的专业人士所组成。独立中心的宗旨是扮演马来西亚人民与社会领袖之间的桥梁。通过收集民意以及发表调查结果，分析报告和相关文章。欲知更多详情，请游览 www.merdeka.org。

联络:

Ibrahim Suffian
研究主任
联络电话: 012 379 1940
电邮: ben@merdeka.org

###